

PINETARSOL GEL

Pine tar (1.6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pinetarsol Gel
2. Bagaimana Pinetarsol Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pinetarsol Gel
4. Cara menggunakan Pinetarsol Gel
5. Semasa menggunakan Pinetarsol Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pinetarsol Gel

- Sebagai rawatan tambahan untuk melegakan gatal-gatal yang teruk dan mengurangkan keradangan.
- Untuk melegakan gejala dermatitis (keradangan lapisan luar kulit), kulit radang bersisik, psoriasis (penyakit autoimun keradangan kulit) dan lain-lain kerengsaan kulit yang kronik

Bagaimana Pinetarsol Gel berfungsi

- Pembersih gel tanpa sabun yang mengandungi pine tar melegakan gatal-gatal dan mengurangkan keradangan.
- Alternatif pengganti sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang rapuh dan radang.

Sebelum menggunakan Pinetarsol Gel

- Bila tidak boleh menggunakan
Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan
Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain
Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Pinetarsol Gel

- Berapa banyak harus digunakan
Sapu pada kulit basah dan sapu dengan lembut pada kawasan terjejas. Biarkan 2-3 minit. Bilas dan keringkan kulit.

- Bila perlu digunakan
Gunakan sekerap yang diperlukan, setiap kali kawasan yang radang dicuci.

- Berapa lama perlu digunakan
Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan
Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)
Tiada maklumat yang dilaporkan berkenaan dengan penggunaan topikal yang berlebihan pada manusia.

Semasa menggunakan Pinetarsol Gel

- Perkara yang perlu dilakukan
Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan telan. Jangan gunakan pada luka yang terbuka.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Jika gel terkena mata, bilas segera dengan air bersih. Elakkan menggunakan sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang meradang. Jika ada sebarang ketidakselesaan, hentikan penggunaan.

Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan yang dikenali untuk pine tar apabila digunakan pada kulit.

Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Alahan jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Gel

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pinetarsol Gel berwarna hijau dan mempunyai bau pine tar. Ianya dalam tiub 100g dan botol 450g dengan pam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *pine tar*.
- Bahan tidak aktif: *purified water, patent blue V CI42051, laureth-23, laureth-4, dichlorobenzyl alcohol, cocamide DEA, glycerol, trolamine lauril sulfate, trolamine, lauryl betaine, phenethyl alcohol, C10-30 alkyl acrylate crosspolymer, methyl hydroxybenzoate*.

- Nombor MAL:

MAL19912381XZ

PINETARSOL GEL

Pine tar (1.6% w/w)

Pengilang

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.
13-31 Malcolm Road,
Braeside, 3195
Australia

Pemegang Pendaftaran Produk

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.
1-6 Block A, Jaya One,
72A Jln Prof Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

18/05/2026

Nombor Siri

NPRA(R4/1)311224/00130